

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	21 SEPTEMBER 2016

Bekas pemimpin DAP akui Kit Siang peralat Dr. M?

KUALA LUMPUR 20 Sept. - Dakwaan bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad diperalatkan Lim Kit Siang dalam perancangan menggulingkan Datuk Seri Najib Tun Razak bukanlah sesuatu baharu, tetapi kini kenyataan itu makin menarik apabila diakui sendiri bekas pemimpin DAP.

Bekas Ketua DAP Teluk Intan, Hew Kuan Yau secara terbuka mengakui DAP bertindak 'menyelamatkan' Dr. Mahathir dan kini menggunakan bekas Perdana Menteri itu sebagai alat untuk menjatuhkan Perdana Menteri.

"Kami menyelamatkan Dr. Mahathir dan kami menggunakan beliau sebagai alat untuk mengalahkan Datuk Seri Najib Tun Razak.



HEW KUAN YAU

"Kami menggunakan Dr. Mahathir untuk membunuh ayam," katanya yang juga dikenali sebagai 'Superman' dalam klip video berdurasi 43 saat yang disiarkan di laman Facebook *My-Nation News* sejak Isnin dan kini mula viral di media-media sosial.

Sebelum ini pelbagai pihak menyifatkan Dr. Mahathir sudah jauh tersasar apabila sanggup bekerjasama dengan

DAP kerana mereka percaya parti tersebut bakal meraih laba paling untung sekiranya Najib dapat digulingkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

Dalam pada itu, Kuan Yau mendakwa, langkah DAP memperalatkan Dr. Mahathir adalah kononnya bertujuan menyelamatkan negara ini daripada kepemimpinan kerajaan yang diterajui UMNO.

Beliau juga memberi amaran akan bersuara lebih 'kuat' jika ada pihak tertentu cuba menutup mulutnya selepas ini.

"Jika anda mahu saya diam, saya hanya akan lebih kuat bersuara, hanya selepas itu anda akan takut," katanya tanpa menamakan siapa-kah yang dimaksudkan beliau.

UM - 21/9/2016